



Lembaran Pendedahan Produk

Jaminan Insurans Pekerja Asing

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Jaminan Insurans Pekerja Asing. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah produk ini?

Anda sebagai majikan dikehendaki mengemukakan polisi ini kepada Jabatan Imigresen semasa membuat permohonan atau pembaharuan permit kerja untuk pekerja asing anda.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Polisi ini dianggap sebagai jaminan kepada Jabatan Imigresen untuk melindungi perbelanjaan repatriasi jika pekerja anda dikehendaki oleh pihak berkuasa untuk dihantar pulang ke negara asalnya semasa mereka di Malaysia. Keadaan ini mungkin berlaku akibat:

- Melanggar Seksyen Akta Imigresen
- Pekerja tersebut diberkas kerana bersabit dalam aktiviti yang tidak dibenarkan atau haram dari segi undang-undang, seperti dadah, kerja tidak berakhlak dan sebagainya.
- Syarikat anda telah muflis dan tidak mampu menyediakan tiket penerbangan untuk pekerja.

Tempoh perlindungannya ditetapkan oleh Jabatan Imigresen, bergantung kepada permit kerja, sama ada 13 atau 18 atau 26 bulan. Anda dikehendaki membeli satu jaminan baru semasa membuat pembaharuan permit pekerja anda.

3. Berapakah jumlah yang perlu diinsuranskan?

Jabatan Imigresen akan menentukan jumlah diinsuranskan berdasarkan kepada kewarganegaraan pekerja tersebut. Anda boleh merujuk kepada Jabatan Imigresen atau ejen.

4. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan pihak kami. Minimum premium berjumlah RM50.00. (Tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan 8% dan Duti Setem RM10.00)

Amaun Jaminan (berdasarkan kewarganegaraan pekerja x jumlah bilangan pekerja) : RM _____

Kadar dikenakan : _____ %

Jumlah premium tahunan yang anda perlu bayar ialah : RM _____

5. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 10% daripada premium atau RM _____

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau harus tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Anda harus memastikan semua butiran pekerja-pekerja asing diisikan dengan lengkap dan betul.
- Anda harus memaklumkan pihak kami tentang pejabat imigresen yang mana anda membuat permohonan permit kerja.
- Anda dikehendaki membeli polisi baru untuk pemasangan pekerja asing pada pertengahan tempoh.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

- Tidak, jika polisi ini telah dikemukakan kepada Jabatan Imigresen.
- Ya, jika polisi ini belum dikemukakan kepada Jabatan Imigresen dan salinan asal polisi telah dikembalikan kepada pihak kami. Premium akan dipulangkan setelah ditolak duti setem.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Jaminan Insurans Pekerja Asing atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau ejen kami atau layari laman web kami www.tokiomarine.com

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
Level 20, Menara Hap Seng 3,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812
Email: letusknow@tokiomarine.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans pekerja asing yang disediakan

- Skim Pampasan Pekerja Asing

NOTA PENTING

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.